

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN ABDULLAH  
(PETALING JAYA)**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa orang banduan akhir wanita setakat Oktober 2021 berdasarkan warganegara dan warga asing dan jenis kesalahan yang mereka dituduh atau disabitkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod Jabatan Penjara Malaysia sehingga 01 Oktober 2021 menunjukkan bahawa terdapat seramai 128 banduan wanita yang telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan hukuman mati.

Daripada jumlah banduan akhir wanita tersebut, seramai 26 orang adalah warganegara Malaysia dan 102 orang adalah warganegara asing. Statistik Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan seramai 113 banduan daripadanya melakukan kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (pengedaran dadah). Manakala, di bawah seksyen 302 Kanun Kesiksaan (membunuhi) pula terdapat seramai 15 banduan yang telah disabitkan.